



**PERUTUSAN Y.A.B. DATO' SRI DIRAJA Pengerusi
(MESYUARAT MTNg Bil. 3/2011 PADA 18 OKTOBER 2011)**

=====

**ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH &
SALAM 1MALAYSIA**

Yang Berhormat Dato' Sri, Yang Berhormat Dato' - Dato', Yang Hormat Dato' – Dato', tuan – tuan dan puan – puan sekalian.

Saya ingin memaklumkan mengenai beberapa perkara;

1 PEMAKLUMAN KETUA-KETUA JABATAN BARU DAN BERSARA

Saya ingin memaklumkan mengenai Ketua – Ketua Jabatan yang baru di Mesyuarat Majlis Tindakan Negeri pada pagi ini iaitu:

- a) Pegawai Daerah Temerloh, Y.H. Dato' Abdull Muain bin Abd. Hamid mula bertugas pada 4 Julai 2011 menggantikan Y.H. Dato' Dr. Sallehuddin bin Ishak yang bertukar ke Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian, Kuala Lumpur.
- b) Pegawai Daerah Cameron Highlands, Y.H. Dato' Syed Mutalib bin Syed Hassan yang mula bertugas pada 15 Ogos 2011 menggantikan Y.H. Dato' Abdull Muain bin Abd. Hamid.

- c) Pegawai Daerah Kuantan, Y.H. Dato' Norhayad binti Ahmad mula bertugas pada 1 Oktober 2011 menggantikan Y.H Dato' Hajjah Mariam binti Ismail yang bersara wajib.
- d) Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Pahang, Encik Adnan bin Hussin mula bertugas pada 1 Oktober 2011 menggantikan Y.H. Dato' Haji Mohamad bin Mat Saman yang bertukar ke Jabatan Perikanan Negeri Kelantan.
- e) Pengarah Mara Negeri Pahang, Encik Azunaidey bin Bakar mula bertugas pada 5 September 2011 menggantikan Encik Ab. Halim bin Muda yang bertukar ke Ibu Pejabat Mara.

Bagi Ketua – Ketua Jabatan baru, saya mengucapkan Selamat Bertugas. Manakala, yang telah bersara dan bertukar, saya bagi pihak Kerajaan Negeri mengucapkan terima kasih di atas sumbangan bakti Mereka sepanjang perkhidmatannya di negeri Pahang.

2 INTIPATI BAJET TAHUN 2012

- 2.1 Pertamanya saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Dato' Sri, Yang Berhormat Dato' - Dato', Yang Hormat Dato' – Dato', tuan – tuan dan puan – puan sekalian mengenai Bajet Tahun 2012 yang telah dibentangkan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Kewangan di Dewan Rakyat pada Jumaat, 7 Oktober 2011 yang lalu. Tema Bajet Tahun 2012 ini adalah “**DASAR TRANSFORMASI NASIONAL:**

BAJET MEMBELA RAKYAT, MENSEJAHTERA NEGARA”.

- 2.2 Intipati bajet tersebut memaklumkan bahawa Bajet Tahun 2012 menyediakan peruntukan sebanyak 232.8 bilion ringgit bagi melaksanakan semua **rancangan pembangunan Kerajaan yang banyak menumpukan kepada kesejahteraan rakyat**. Daripada jumlah itu, sebanyak 181.6 bilion ringgit adalah bagi peruntukan perbelanjaan mengurus dan 51.2 bilion ringgit bagi perbelanjaan pembangunan.
- 2.3 Bagi **peruntukan pembangunan**, 29.8 bilion ringgit disediakan bagi sektor ekonomi untuk menampung keperluan infrastruktur, perindustrian serta pertanian dan pembangunan luar bandar. Sejumlah 13.6 bilion ringgit diperuntukkan bagi sektor sosial, termasuk pendidikan dan latihan, kesihatan, kebajikan, perumahan serta pembangunan masyarakat. Seterusnya 4.4 bilion ringgit diperuntukkan bagi pembangunan keselamatan, 1.4 bilion ringgit bagi pentadbiran am dan 2 bilion ringgit untuk simpanan luar jangka.
- 2.4 Terdapat **lima fokus** utama bajet tahun 2012 yang merupakan kesinambungan kepada pelaksanaan dasar – dasar Kerajaan yang sedia ada seperti pelaksanaan Program Transformasi Kerajaan [*Government Transformation Program (GTP)*] dengan 7 Bidang Keberhasilan Utama Negara [*National Key Result Area (NKRA)*], Program Transformasi Ekonomi [*Economic*

Transformation Program (ETP)] dengan 12 Bidang Ekonomi Utama Negara [*National Key Economic Area* (NKEA)], Model Ekonomi Baru dan juga terbaru Program Transformasi Politik yang menyaksikan proses besar *islah* (menambahbaik) undang-undang bagi membolehkan Malaysia menjadi sebuah negara yang moden, progresif sekaligus demokrasi yang berfungsi.

2.5 **Fokus pertama** Bajet Tahun 2012 ialah **Melihat Pelaburan** di mana Kerajaan akan **meliberalisasikan 17 subsektor perkhidmatan**. Selain itu, Kerajaan juga menyediakan sebanyak 6 juta ringgit bagi merangsang ekonomi negara melalui **Pakej Rangsangan Khas**.

2.6 **Fokus Kedua** iaitu **Mengungguli Modal Insan, Mencerna Kreativiti dan Mencetus Inovasi**, Kerajaan menyediakan peruntukan sebanyak 100 juta ringgit bagi mengalakkan pencetusan inovasi dan idea baru di kalangan rakyat Malaysia.

2.7 **Fokus Ketiga** menekankan kepada **Program Transformasi Luar Bandar** bagi menambah kualiti hidup dan menjamin kesejahteraan rakyat di luar bandar.

Untuk itu, bagi pembangunan **infrastruktur asas luar bandar**, peruntukan berjumlah 5 bilion ringgit disediakan antaranya penyediaan bekalan air, elektrik, rumah dan jalanraya. Sementara itu, sejumlah 500 juta ringgit disediakan untuk projek **Penyelenggaraan Awam – Asas**

(PIA – PIAS). Manakala, peruntukan 50 juta ringgit juga disediakan untuk **menambahbaik kemudahan bekalan air** di kawasan Felda.

Pembangunan dan Kebajikan Masyarakat Orang Asli juga tidak dilupakan. Peruntukan sebanyak 20 juta ringgit disediakan bagi **pemindahan penduduk ke kawasan perumahan baru** kepada penduduk di kawasan Sungai Ruil, Cameron Highlands dan juga peruntukan lain untuk Orang Asli keseluruhannya.

- 2.8 **Fokus Keempat** iaitu **Memperkecap Perkhidmatan Awam** dengan memberi semangat dan ganjaran kepada perkhidmatan awam di mana satu dasar baru diwujudkan iaitu **Saraan Baru Perkhidmatan Awam (SBPA)**, pemberian bonus sebulan gaji, serta penyambungan umur persaraan dari 58 ke 60 tahun. Bajet Tahun 2012 menyaksikan banyak kemudahan disediakan kepada Penjawat Awam termasuk pasukan keselamatan seperti dana bagi menyambung pengajian dan penyelenggaraan kuarters tentera/polis.
- 2.9 **Fokus Kelima** menekankan kepada **Meredakan inflasi dan Mengimarahkan Kehidupan Rakyat** yang memberi bantuan kepada rakyat bagi meringankan beban dan menambahbaik kehidupan rakyat. Antaranya ialah bantuan 500 ringgit kepada isi rumah yang berpendapatan 3,000 ringgit dan ke bawah serta perluasan Kedai Rakyat

1Malaysia yang menawarkan harga sehingga 40 peratus lebih murah.

2.10 Saya berharap Bajet Tahun 2012 ini dapat memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat seluruh negara dan di negeri Pahang secara khususnya. Semua wakil Rakyat serta Ketua – Ketua Jabatan hendaklah menghayati serta mengambil langkah – langkah yang perlu bagi membantu Kerajaan merealisasikan hasrat Kerajaan melalui Bajet Tahun 2012 ini, agar dasar bajet yang digariskan oleh YAB Perdana Menteri dapat dicapai sepenuhnya.

2.11 Saya berpendapat, Bajet Tahun 2012 merupakan bajet yang memberi manfaat kepada semua genap lapisan masyarakat di negara ini yang menterjemahkan beberapa dasar yang diutarakan oleh YAB Perdana Menteri kita sejak beliau mengambil alih tampuk pemerintahan. Oleh yang demikian, semua Ahli-Ahli Yang Berhormat dan juga pegawai – pegawai Kerajaan menghayati sepenuhnya Bajet Tahun 2012 bagi memastikan rakyat mendapat manfaat sepenuhnya selaras dengan Gagasan 1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.

3 KENAIKAN DAN PENGAWALAN HARGA BARANGAN DAN PERKHIDMATAN

- 3.1 Pengumuman beberapa insentif dalam Bajet 2012 seperti kenaikan gaji Penjawat Awam dan bantuan 500 ringgit kepada isi rumah yang berpendapatan 3,000 dan ke bawah serta pelaksanaan projek dan program dibawah pada tahun 2012 dijangka akan mencetuskan **kenaikan harga barangan dan perkhidmatan** oleh golongan peniaga yang tidak beretika.
- 3.2 Saya berharap agar semua Wakil Rakyat dan Ketua-Ketua Jabatan dapat memberi penjelasan kepada rakyat mengenai isu kenaikan harga barangan dan bekalan bukanlah disebabkan faktor tersebut sahaja tetapi disebabkan oleh faktor-faktor luar lain seperti kebergantungan import bahan makanan. Sebarang ketidaktentuan yang berlaku di negara luar sedikit sebanyak memberi sumbangan kepada kenaikan harga barang makanan di negara kita. Sebagai contoh, banjir besar di Thailand dan Vietnam yang merupakan pengeluar utama beras secara tidak langsung memberi kesan kepada kenaikan harga dan bekalan beras di negara ini. Di samping itu, rakyat sendiri sebagai pengguna perlu mengambil langkah – langkah yang bersesuaian bagi mengawal kenaikan harga barang melalui perbelanjaan berhemah dan rakyat perlulah digalakkan untuk menabung (simpanan).
- 3.3 Saya difahamkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah mengambil tindakan proaktif dengan menubuhkan **Pasukan Petugas Khas (Task Force)** untuk memantau dan mengawal trend harga

barang dan bekalan di pasaran. Saya percaya dengan kerjasama semua pihak, Insya Allah kenaikan harga barang dan bekalan dapat dikawal demi menjamin kesejahteraan rakyat.

4 TINDAKAN KE ATAS ADUAN RAKYAT

- 4.1 Saya ingin menarik perhatian Ahli-Ahli Mesyuarat mengenai aduan daripada rakyat. Setiap hari pihak Kerajaan sentiasa menerima aduan daripada rakyat yang berupa ketidakpuasan perkhidmatan yang diberikan oleh Jabatan Kerajaan termasuk lewat mengambil tindakan dan kekurangan atau ketiadaan kemudahan infrastruktur.

Aduan ini dibuat sama ada melalui perantaraan media elektronik atau media cetak atau secara langsung kepada pihak – pihak yang berkenaan termasuk pemimpin masyarakat.

- 4.2 Saya meminta supaya Jabatan - Jabatan Kerajaan peka terhadap aduan daripada rakyat dengan mengambil tindakan dan membuat pemantauan ke atas setiap aduan yang diterima serta memberi maklumbalas kepada pengadu – pengadu termasuk menjelaskan mengapa sesuatu perkara itu tidak dapat dilaksanakan.